



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : FUNDAMENTALS OF MANAGEMENT
KOD KURSUS : DPI1033
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah tanggungjawab seorang pengurus?
 - A Menarik orang melakukan perkara yang salah.
 - B Berupaya menyelesaikan masalah atas desakan.
 - C Menggunakan kuasa orang melakukan kerja-kerja berat.
 - D Mampu mempengaruhi tanpa bergantung kepada penggunaan tenaga.

2. Encik Amir bertanggungjawab melakukan kerja-kerja dalam bidang pemasaran, pengurusan sumber manusia dan kewangan di Syarikat Tok Wan Sdn Bhd. Apakah tahap pengurusan tersebut?
 - A Pengurus am
 - B Pengurus fungsi
 - C Pengurus atasan
 - D Pengurus pertengahan

3. Proses pengurusan yang manakah yang menetapkan matlamat organisasi dan memutuskan strategi pemasaran yang diperlukan untuk mencapai matlamat?
 - A Kawalan
 - B Memimpin
 - C Merancang
 - D Mengorganisasi

4. Apakah dimensi utama dalam falsafah pengurusan Islam untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat?
 - A Tauhid
 - B Tazkiyah
 - C Al-Quran dan Sunnah
 - D Jawatan merupakan amanah Allah

5. Prinsip pengurusan Islam yang manakah tidak menggunakan jawatan untuk kepentingan peribadi?
 - A Amanah
 - B Cekap
 - C Jujur
 - D Bertanggungjawab
6. Apakah peranan pengurus Islam sebagai pemimpin dalam organisasi?
 - A Mematuhi udang-undang.
 - B Tidak mempercayai orang lain.
 - C Membuat keputusan secara individu.
 - D Menganggap pekerja sebagai saudara.
7. Apakah perancangan yang lebih sempit dan khusus untuk unit kerja atau individu?
 - A Wawasan 2020.
 - B Perancangan operasi.
 - C Perancangan jangka pendek.
 - D Perancangan masa hadapan.
8. Apakah elemen yang terdapat dalam perancangan sedia ada?
 - A Program,projek dan belanjawan.
 - B Program, polisi dan peraturan.
 - C Polisi, tatacara dan peraturan.
 - D Polisi, projek dan belanjawan.

9.

- ✓ 1 hingga 5 tahun
- ✓ Dikenali sebagai sebagai perancang jangka masa pertengahan.

Pernyataan 1

Pernyataan 1 di atas merujuk kepada ciri-ciri

- A perancangan lanjut
- B perancangan taktikal
- C perancangan operasi
- D perancangan strategik

10. Antara berikut yang manakah halangan dalam perancangan berkesan?

- A Peningkatan program kualiti
- B Perubahan saiz sesebuah organisasi
- C Campurtangan kerjaan dalam undang-undang buruh
- D Kekurangan sokongan dan dorongan dari pihak pengurusan

11. Di dalam dunia perniagaan yang sentiasa berubah seiring dengan arus kemajuan teknologi, organisasi perlulah menjadi lebih _____ agar dapat bersaing dan mencapai matlamat organisasi dan bersedia menghadapi sebarang perubahan.

- A fleksibel
- B perlahan
- C berhati-hati
- D berwaspada

12. Manakah di antara yang berikut jenis-jenis keputusan yang biasa digunakan oleh seorang pengurus?

- A Keputusan khusus.
- B Keputusan berkesan.
- C Keputusan berprogram.
- D Keputusan permasalahan rumit.

13. Struktur organisasi yang manakah merupakan struktur organisasi yang rumit dan memerlukan komitmen semua individu yang terlibat?

- A Penjabatan mengikut matriks.
- B Penjabatan mengikut produk.
- C Penjabatan mengikut kawasan.
- D Penjabatan mengikut pelanggan.

14. Apakah aspek penting dalam pembentukan struktur organisasi?

- A Pemusatan.
- B Pembahagian kerja.
- C Penyelarasan aktiviti.
- D Pengkhususan tugas.

15.

- Pekerja tidak suka membuat kerja dan kalau boleh mengelak daripada membuatnya.
- Mereka mesti dipaksa, dikawal atau digertak dengan hukuman untuk mencapai matlamat

Pernyataan 2

Pernyataan 2, merujuk kepada

- A teori x.
- B teori matlamat.
- C teori McClelland.
- D teori Hierarki Maslow.

16. Yang manakah **bukan** kepentingan kepimpinan?

- A Dinamik dalaman organisasi.
- B Kepimpinan sebagai fungsi sempadan.
- C Sebagai pelengkap carta organisasi.
- D Bersedia untuk keadaan yang serng berubah.

17. Bagaimanakah untuk menetapkan piawaian bagi sebuah organisasi?

- A** Idea pengurus.
- B** Keadaan ekonomi.
- C** Berdasarkan sikap pekerja.
- D** Berdasarkan kepada belanjawan.

18. Dato' Haji Aliff ialah Ketua Pegawai Ekskutif Syarikat Hijrah Wangi. Beliau cuba untuk mewujudkan satu proses kawalan bagi syarikatnya. Apakah proses pertama yang harus beliau lakukan?

- A** merangka objektif.
- B** menetapkan piawaian.
- C** memperbaiki kesilapan.
- D** membuat perancangan.

19. Antara berikut, yang manakah tidak termasuk dalam proses komunikasi?

- A** Saluran
- B** Pengirim
- C** Penerima
- D** Pengimbas data

20. Apakah proses komunikasi yang dapat menentukan mesej yang disampaikan dapat difahami dengan betul oleh penerima?

- A** Saluran
- B** Pengirim
- C** Pengekodan
- D** Maklum balas

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Berikan takrif pengurusan dalam organisasi
(2 markah)
- b. Terangkan **tiga (3)** kepentingan pengurusan
(6 markah)

SOALAN 2

- a. Nyatakan **empat (4)** unsur penting dalam membuat perancangan.
(2 markah)
- b. Jelaskan **tiga (3)** kepentingan perancangan.
(6 markah)

SOALAN 3

- a. Berikan takrif pengorganisasian
(2 markah)
- b. Terangkan **tiga (3)** perkara yang boleh dilihat dalam pembentukan struktur organisasi.
(6 markah)

SOALAN 4

- a. Nyatakan **dua (2)** cara dalam menetapkan piawaian.
(2 markah)
- b. Terangkan **tiga (3)** faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum menetapkan piawaian.
(6 markah)

SOALAN 5

a. Terangkan **dua (2)** unsur penting dalam komunikasi.

(4 markah)

b. Jelaskan **dua (2)** halangan kepada komunikasi berkesan.

(4 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Robert L. Katz telah mengenal pasti jenis kemahiran asas yang perlu dimiliki oleh seorang pengurus. Terangkan tiga (3) jenis kemahiran pengurusan berserta gambar rajah.

(10 markah)

SOALAN 2

Pengurusan Islam dengan bertunjangkan paradigma tauhid mempunyai beberapa prinsip asas utama iaitu amanah, syura dan adil. Bincangkan dua (2) ciri adil dan dua (2) ciri amanah.

(10 markah)

SOALAN 3

Dalam membuat perancangan, seorang pengurus perlu membuat keputusan untuk menentukan objektif dan mencari strategi yang sesuai bagi mencapai objektif tersebut.

Huraikan dua (2) jenis keputusan dan dua (2) keadaan dalam membuat keputusan.

(10 markah)

SOALAN 4

Teori-teori motivasi dikaji secara aktifnya pada 1950-an. Tujuan memahami teori-teori ini adalah sebagai landasan kepada teori-teori motivasi yang baru. Tambahan pula, ramai di antara pengurus masih menggunakan teori dan istilah ini secara meluas. Bincangkan teori awal hierarki keperluan berserta gambar rajah.

(10 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT